



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel: +603-60332020 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

PELANCARAN PROGRAM SEMARAK SYAWAL PASAR TANI PERINGKAT KEBANGSAAN 1447H TAWAR PELBAGAI PROMOSI ISTIMEWA, KOMBO MADANI SERENDAH RM10

SEREMBAN, 17 MAC 2026 – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah melancarkan Program Semarak Syawal Pasar Tani Peringkat Kebangsaan 1447H bagi membantu orang ramai membuat persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian, hasil pertanian segar serta produk makanan pada harga lebih berpatutan.

Majlis pelancaran program tersebut telah berlangsung di Pasar Tani Ampangan, Seremban dan disempurnakan oleh Pengerusi FAMA, YBrs. Tuan Haji Aminuddin bin Zulkipli. Turut hadir ialah Ketua Pengarah FAMA, Encik Abdul Rashid bin Bahri; Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim; ADUN Ampangan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Perpaduan, Penerangan, Integrasi Nasional dan NGO Negeri Sembilan, YB Dato' Hajah Tengku Zamrah binti Tengku Sulaiman serta pengurusan kanan FAMA.

Program Semarak Syawal yang berlangsung selama tujuh hari bermula 14 hingga 20 Mac 2026 melibatkan 258 lokasi Pasar Tani di seluruh negara, merangkumi 218 Pasar Tani, 37 Pasar Tani Kekal, satu lokasi di Medan Niaga Satok serta dua lokasi di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC). Program ini dijangka menjana nilai jualan keseluruhan sebanyak RM40 juta sepanjang tempoh penganjurannya.

Antara tarikan utama program ini ialah jualan Kombo Agro MADANI, yang menawarkan ayam seekor bersama sayur daun pada harga istimewa RM10 berbanding harga asal RM17.50, sekali gus memberi penjimatan ketara kepada pengguna. Selain itu, tawaran Happy Hour turut diadakan dengan harga lebih rendah iaitu RM5 bagi kombo yang sama bagi jumlah terhad kepada pengunjung terawal.

Program ini turut menampilkan pelbagai promosi barangan segar yang menjadi keperluan utama menjelang Aidilfitri. Antaranya termasuk jualan daging segar pada harga RM28 sekilogram berbanding harga pasaran RM38 sekilogram, selain jualan ayam pencen pada harga RM20 sekilogram bagi dua ekor satu set berbanding harga asal RM26. Selain itu, pengguna juga boleh mendapatkan sayur daun pada harga promosi RM1 satu pek berbanding harga jualan RM2, manakala buah pamelu dijual pada harga RM5 sebiji berbanding harga biasa RM10.

Bagi memeriahkan lagi suasana persediaan Syawal, FAMA turut menawarkan Kombo Aidilfitri produk jenama Agromas pada harga istimewa. Antara tawaran tersebut ialah kombo RM10 yang mengandungi Pes Mee Bandung Agromas dan Bihun Agromas 400 gram, manakala kombo RM20 pula merangkumi Serunding Daging Agromas, Kuah Kacang Agromas, Kordial Agromas serta Ketupat Mini yang sesuai untuk penyediaan hidangan Aidilfitri.

Dalam ucapannya, Pengerusi FAMA berkata penganjuran Program Semarak Syawal Pasar Tani ini merupakan antara usaha FAMA dalam membantu rakyat mendapatkan barangan keperluan pada harga lebih berpatutan menjelang musim perayaan.

“Program Semarak Syawal ini memberi peluang kepada pengguna mendapatkan pelbagai hasil pertanian segar serta produk makanan pada harga promosi yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran. Pada masa sama, program ini turut membuka ruang kepada petani dan usahawan agro meningkatkan jualan serta memperluaskan pasaran produk mereka,” katanya.

Majlis pelancaran turut dimeriahkan dengan beberapa pengisian menarik termasuk gimik pelancaran mengacau penganan cair, sesi sumbangan duit raya serta edaran penganan cair kepada pengunjung, selain lawatan rasmi Pengerusi FAMA ke gerai-gerai usahawan Pasar Tani.

#####

Disediakan oleh:

**Cawangan Korporat & Advokasi FAMA Ibu Pejabat
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
17 MAC 2026**